

WADAH

Penyelidikan & Inovasi

PUSAT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI



Terbitan Dwi Tahunan

Bil. 2/2017



Kandungan

- 3 PPIPK 2017
- 4 Memperkasakan Penerbitan Jurnal IPG
- 5 Karnival Pertandingan Permainan IPGKPT Pupuk Budaya Inovasi
- 6 Pesta Buku 2017 Lakar Sejarah IPGM
- 8 Inovasi dan Kreativiti Pacu Kecemerlangan IPG
- 9 Karya Inovasi IPGK IK Istimewa Buat Golongan Berkeperluan Khas
- 10 Teknik Penceritaan *Kamishibai* dalam PdPC
- 12 Bengkel *Lesson Study* Tingkat Profesionalisme Guru
- 13 *Using Digital Story to Improve Primary School Pupils' Understanding of Poem*
- 13 Budaya Teknologi dalam PdPC Abad ke-21
- 14 Pensyarah Inovatif Hari Guru Negeri Sabah 2017
- 15 Kebolegunaan *Smart i-THINK* dalam Persekitaran Pembelajaran Maya



Catatan Minda Ketua Editor

Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, dengan izinNya kita dipertemukan kembali. Edisi kali ini membawa isu jurnal berwasit. Masih ramai dalam kalangan penyelidik dan pendidik yang masih kurang jelas apa yang dimaksudkan dengan istilah 'wasit'. Dalam keluaran kali ini, pihak editor akan mengupas makna berwasit bagi penerbitan jurnal sehingga layak didaftarkan di dalam *My Cite* dan *Scopus*. Selain itu, diperkenalkan *SMART I-THINK* sebagai inovasi pilihan pada keluaran ini. Akhir sekali, pihak sidang editor mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel, pandangan atau komen dalam mempertingkatkan kualiti penerbitan ini supaya menjadi wadah santapan minda dalam abad ke-21.

Sekian, terima kasih.

Norsita Binti Ali

Sidang Editor

Penaung

YBhg. Dr. Sariah binti Abd. Jalil
Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia

Penasihat 1

Dr. Rusmini binti Ku Ahmad
Timbalan Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia

Penasihat 2

Dr. Mohd Nasrudin bin Basar
Pengarah
Pusat Penyelidikan
Pembangunan dan Inovasi IPGM

Ketua Editor & Grafik

Pn. Norsita binti Ali
Penolong Pengarah
Pusat Penyelidikan
Pembangunan dan Inovasi IPGM

Editor

Dr. Hj. Azahar bin Aziz
Penolong Pengarah (PPPI IPGM)

Tn. Hj Shushilil Azam bin Shuib
Penolong Pengarah (PPPI IPGM)

Pn. Nur Diyana binti Zakariah
Penolong Pengarah (PPPI IPGM)



TEMA PPIPK KALI KE-2 : PENYELIDIKAN, PEDAGOGI DAN PENINGKATAN INOVASI

Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan Kebangsaan (PPIPK) Kali Ke-2 Tahun 2017, anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dengan kerjasama IPGK Dato' Razali Ismail (IPGKDRI) yang berlangsung dari 10 hingga 11 Oktober 2017 telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia (YBhg.) Dr. Sariah binti Abd Jalil sebagai mewakili Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan), YBhg. Datuk Dr. Amin bin Senin.

Dua program khas peringkat IPGM dilaksanakan sepanjang PPIPK iaitu (1) Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan (SPPK) dan (2) Pertandingan Inovasi (PI). Antara resolusi PPIPK ialah kemahiran pedagogi, proses kolaboratif, dan amalan refleksi yang pelbagai perlu dikuasai oleh guru dengan mengambil kira pemupukan nilai-nilai murni, pengalaman pembelajaran luar bilik darjah, komunikasi, dan penggunaan bahan sumber pembelajaran.

PPIPK Kali Ke-2 ini telah membawa kesan positif dalam perkongsian ilmu, pengalaman dan amalan-amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran serta peningkatan profesionalisme keguruan.



MEMPERKASAKAN PENERBITAN JURNAL IPG

Oleh : Norsita binti Ali
Ismail bin Mohamed, PhD
Institut Pendidikan Guru Malaysia

Terdapat 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia yang mempunyai misi untuk melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia. Pensyarah IPG merupakan arkitek yang bakal mencorakkan masa depan negara selaras dengan perubahan pendidikan yang berdepan dengan revolusi industri ke-4.

IPG mempunyai ramai pensyarah yang berkualiti dan mahir dalam pelbagai bidang. Para pensyarah IPG juga telah melaksanakan pelbagai penyelidikan dan ada antaranya mempunyai impak yang tinggi dalam bidang pendidikan. Namun kegagalan menempatkan hasil penyelidikan sama ada berbentuk artikel, jurnal atau tesis di peringkat nasional menyekat peluang menonjolkan kemampuan dan penyebaran ilmu pengetahuan di persada pendidikan negara dan dunia.

Para pensyarah harus sedar peranan besar yang dipikul perlu diterjemahkan dengan penulisan akademik bertaraf antarabangsa yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal berindeks WoS atau Scopus dan bukan sekadar menulis sahaja. Saban tahun, pelbagai artikel dan jurnal hasil penulisan para pensyarah dari 27 IPG dihasilkan. Malangnya, banyak hasil penulisan dalam kalangan penyelidik / pensyarah IPG khususnya, tidak memenuhi standard penulisan artikel jurnal yang memenuhi standard bagi membolehkannya diterbitkan dalam jurnal-jurnal berindeks.

Terdapat beberapa istilah yang perlu difahami dan dibezakan agar kita dapat menyumbang hasil kajian dan pemikiran dalam bentuk penulisan untuk disebar luas kepada masyarakat akademik dan awam dengan berkesan. Antara istilah yang perlu difahami adalah artikel, jurnal, penerbitan, sitasi dan jurnal berwasit. Artikel adalah suatu hasil penulisan berorientasikan penyelidikan dan kandungan ilmiah yang dihasilkan oleh para penyelidik serta diterbitkan di dalam jurnal, majalah, surat berita dan lain-lain. Manakala jurnal pula adalah sejenis bahan terbitan berkala yang memfokus kepada sesuatu bidang ilmiah dan penyelidikan serta mengandungi artikel berorientasikan penyelidikan oleh pelbagai pengarang.



Penerbitan pula merujuk kepada pelbagai jenis bahan yang diterbitkan sama ada dalam format jurnal, buku, prosiding seminar, bab dalam buku dan sebagainya. Manakala, sitasi (*citations*) adalah rujukan yang disenaraikan dalam sesuatu dokumen sama ada artikel jurnal, kertas kerja persidangan, ulasan artikel dan sebagainya. Ia menunjukkan sumber yang dirujuk oleh seseorang pengarang di dalam aktiviti penyelidikan dan penulisan.

Penerbitan sesuatu artikel dalam jurnal yang berkualiti tinggi akan memberi impak yang besar kepada pengarang dan juga institusi yang menerbitkan jurnal tersebut. Jurnal-jurnal yang diterbitkan di Malaysia sekarang boleh didaftarkan dalam MyJurnal iaitu salah satu produk Pusat Sitasi Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi. Jurnal-jurnal dalam MyJurnal akan dinilai setiap tahun dan jika memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, jurnal tersebut akan diindekskan dalam MyCite (*Malaysian Citation Index*) dan seterusnya dalam indeks sitasi antarabangsa seperti WoS, Scopus, ACI dan ISC.

Antara kriteria yang akan membolehkan sesuatu jurnal diindekskan adalah sesuatu jurnal itu hendaklah berwasit. Menurut Kamus Dewan, "wasit" bermaksud orang tengah, pengantara, atau penghubung. Dalam konteks penerbitan akademik, jurnal berwasit bermaksud setiap artikel yang diterbitkan telah melalui proses perwasitan/ penilaian semula (*review*) atau dikaji semula oleh pakar luar yang dilantik oleh pihak jurnal.

Bagi setiap artikel biasanya melibatkan 2-5 orang pewasit. Pewasit atau penilai semula adalah orang yang pakar dalam bidang yang dibincangkan dalam artikel tersebut. Pihak jurnal juga boleh meminta cadangan nama pewasit daripada penulis namun, pemilihan akhir ditentukan oleh pihak jurnal sendiri.

Proses penilaian semula atau perwasitan ini dilakukan secara *double blind review*, iaitu kedua-dua pihak, penulis dan pewasit tidak saling mengenali antara satu dengan yang lain. Ini bagi memastikan proses perwasitan itu adalah telus dan tidak berat sebelah. Pihak jurnal akan memastikan identiti penulis disembunyikan ketika artikel dihantar kepada pewasit.

Adalah diharapkan jurnal-jurnal yang telah dan sedang diterbitkan di setiap IPG dapat menjaga kualiti jurnal masing-masing dengan melaksanakan penilaian yang telah ditetapkan oleh Pusat Sitasi Malaysia. Setiap jurnal boleh terus didaftarkan dalam MyJurnal walaupun belum memenuhi standard yang ditetapkan. IPG perlu merebut peluang yang telah diberikan oleh Pusat Sitasi Malaysia iaitu mereka akan membantu menilai setiap jurnal supaya dapat diindekskan dalam MyCite dan juga indeks-indeks antarabangsa yang lain.



Karnival Pertandingan Permainan IPGKPT Pupuk Budaya Inovasi

Oleh: Dr. Malathi Balakrishnan
Ketua Jabatan
JPJK IPG KPT

Pelan Pembangunan Pendidikan 2015-2025 bermatlamat menghasilkan sistem pendidikan yang berkualiti melalui transformasi pendidikan. Salah satu lonjakan yang dibincangkan ialah ekosistem inovasi. Bagaimanakah budaya inovasi ini dapat dipupuk dalam kalangan siswa pendidik di Institut Pendidikan Guru? Bagi menyahut cabaran ini, Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (JPJK) IPG Kampus Pendidikan Teknik (IPG KPT) telah merancang Karnival Pertandingan Permainan di peringkat IPG melalui kursus PJMS3123.

Satu daripada kandungan Ringkasan Maklumat Kursus PJMS3123, ialah Permainan Tradisional yang mencerminkan sosiobudaya sesebuah negara. Namun, perubahan yang berlaku dalam kehidupan sosial, politik, dan faedah dalam pasaran telah menjejaskan permainan tradisional secara kritikal. Populariti permainan tradisional sebagai aktiviti riadah semakin merosot dengan kewujudan permainan digital atau komputer.

Oleh yang demikian pelajar PISMP Semester 3, dari JPJK IPG KPT telah menganjurkan Karnival Pertandingan Permainan pada 17 April 2017. IPG KPT telah menjadikan karnival ini sebagai satu platform untuk mencungkil bakat pelajar semasa menjalani aktiviti latihan amali seterusnya menerapkan budaya inovasi dan kreativiti di sekolah kelak. Pelajar-pelajar berjaya mereka cipta permainan baru dari konsep permainan tradisional yang boleh dianjurkan di dalam dewan.

Lapanjenis permainan yang telah diubah suai dari permainan asal dan dipertandingkan dalam karnival ini berjaya mencungkil bakat-bakat baharu ke arah melestarikan minda inovasi dalam kalangan bakal pendidik di IPG. Karnival Pertandingan ini telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan IPG KPT, Dr. Malathi Balakrishnan.



PESTA BUKU 2017 LAKAR SEJARAH IPGM

Pesta Buku IPGM 2017 boleh menjadi medium penyebaran maklumat mengenai transformasi IPG menerusi Pelan Transformasi IPG 2016-2025. Maka, aktiviti penulisan dan penerbitan perlu dibudayakan dalam kalangan warga pendidik IPG seluruh Malaysia.

Menerusi pesta buku yang berjaya menghimpunkan hampir 1000 buku dan karya penulisan para pensyarah daripada 27 IPG ini menjadi satu platform yang mantap dan berkesan untuk menaik taraf mutu penulisan dan penerbitan warga IPG.

Pesta Buku yang dianjurkan secara bersama antara IPGM dengan IPGK Bahasa Melayu ini diharap dapat membuka mata masyarakat sekeliling tentang kewujudan penulisan dan penerbitan warga IPG yang berterusan dan bermutu tinggi, seterusnya dapat mempamerkan IPG sebagai pusat kecemerlangan Ilmu Perguruan.

Demikian, antara pati ucapan perasmian Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof yang telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin di IPG Kampus Bahasa Melayu.

Ketika Pesta Buku IPGM yang julung-julung kali diadakan pada 14 Mac 2017 ini, IPG Kampus Ilmu Khas telah menjadi penerima pertama Anugerah Citra Karya Dr. Noriati A. Rashid. Nama yang diambil sempena nama Timbalan Rektor IPGM iaitu anugerah keseluruhan pengkarya dan hasil karya terbanyak dalam kalangan pensyarah 27 IPG seluruh negara.

Pesta Buku yang akan menjadi acara dwitahunan ini mempunyai objektif untuk berkongsi, menyebarkan maklumat tentang penerbitan dan penulisan yang berkualiti dalam kalangan pensyarah IPG Malaysia, menjana transformasi minda melalui aktiviti sewaktu Pesta Buku IPGM 2017 serta membina jaringan perkongsian pintar di antara IPG Malaysia dan pihak luar (NBOS).





Forum bertajuk 'Persada Penulisan dan Penerbitan yang Bermutu, Unggul dan Global' Ahli panel Forum terdiri daripada Dr. Rusmini binti Ku Ahmad (Pengarah PPPI IPGM), Dr. Abdullah bin Yusoff (Timbalan Pengarah IPG Kota Bharu) dan Pn. Rokiah binti Hassan (Pengarah Urusan Reka Cetak Sdn. Bhd.)



Inovasi dan Kreativiti Pacu Kecemerlangan IPG

“Inovasi dan Kreativiti Pemacu Kecemerlangan IPG’ menjadi tema Pertandingan KIK dan Inovasi peringkat IPG Kampus Pendidikan Islam pada 25 hingga 27 April 2017 yang berlangsung di Dewan Besar Nik Muhyidin Musa.

Program ini sememangnya wajar dilaksanakan bagi menerapkan konsep *knowledge base* dan *creativity driven* bagi membolehkan para pensyarah dan pelajar menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada mutu pengajaran, pendidikan dan perkhidmatan yang berkualiti serta sebagai landasan ke arah organisasi yang kreatif dan inovatif.

Pertandingan KIK dan Inovasi IPGK PI ini berjaya menarik perhatian sebanyak 13 kumpulan KIK yang melibatkan semua jabatan dan unit serta 50 kumpulan inovasi pelajar untuk menyertai pertandingan ini. Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah IPG KPI iaitu Dr Mohamad Hussin b Mohamad Yusof. Pertandingan KIK telah dimenangi oleh Unit Teknologi Maklumat dengan inovasi yang bertajuk *E-Portfolio* manakala pertandingan inovasi dijuarai oleh Jabatan Pengajian Islam dan Moral yang membawa tajuk *Kaedah Tanwa*




Karya Inovasi IPGK IK Istimewa Buat Golongan Berkeperluan Khas

Oleh : Dr Jeya Velu
Pensyarah Cemerlang
(Penyelidikan)
JPIPK IPGK IK

KoNar, kit bahan bantu mengajar bagi membantu pelajar berkeperluan khas bermasalah penglihatan untuk mengkonsepsi pergerakan sinar cahaya yang merambat melalui kanta cembung dan kanta cekung dalam subjek Sains.

KoNar yang terpilih sebagai Johan Kategori PdPC Pelajar semasa Karnival Inovasi Pendidikan peringkat IPG Kampus Ilmu Khas (IPGK IK) pada 25 dan 26 April 2017 yang lalu dapat meningkatkan kemahiran saintifik dan KBAT pelajar melalui pembelajaran aktif.



"C-OL" adalah produk yang dapat membantu murid, guru Pendidikan Seni Visual dan juga subjek lain serta masyarakat golongan OKU khususnya masalah penglihatan meningkatkan kemahiran melukis dengan menggunakan deria sentuh.

Alat yang menjadi Johan kategori PdPC pensyarah semasa Karnival Inovasi Pendidikan peringkat IPG Kampus Ilmu Khas (IPGK IK) ini mampu mengawal perkembangan psikomotor halus bagi kawalan mata dan tangan semasa membuat lakaran asas supaya dapat menghasilkan lukisan dengan lebih inovatif dan berkesan.



Teknik Penceritaan *Kamishibai* dalam PdPC

Oleh : Dr. Sara Binti Beden
Jab Pengajian Melayu,

Teknik *Kamishibai*

Sejarah *Kamishibai* ini bermula seawal tahun 1930-an di celah-celah lorong kawasan perumahan dan gerai-gerai tradisional yang kecil di sekitar Tokyo. Awalnya, teknik penceritaan *Kamishibai* ini dipelopori oleh penjual jajan atau kudap-kudapan yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Oleh sebab kebanyakan para pelanggan mereka terdiri daripada kanak-kanak, maka si penjual memikirkan cara yang paling sesuai untuk menarik pelanggan-pelanggan cilik ini. Rentetan itu, lahirlah *Kamishibai*.

Kamishibai merupakan sebuah teknik penceritaan kanak-kanak, iaitu babak-babak ceritanya dilukis di atas beberapa keping kertas tebal. Kertas itu kemudiannya diberi nombor urutan mengikut jalan cerita yang hendak disampaikan. Lukisan yang sudah siap dengan urutan cerita diwarnakan agar menjadi lebih menarik dan dapat menarik perhatian ramai khususnya kanak-kanak. Kemudian, barulah dipersembahkan oleh seorang tukang cerita.

Kamishibai akan dipersembahkan menggunakan pentas mini berpintu tiga yang diperbuat daripada kayu yang digelar butai dalam Bahasa Jepun.

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Melayu IPGK Tun Abdul Razak (IPG KTAR) dengan kerjasama Taiyo Yuden Sdn. Bhd. Sarawak, IPGK Temenggong Ibrahim, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak, DBP Wilayah Selatan, dan Majlis Perbandaran Johor Bahru. Bengkel didik hibur-*Kamishibai* peringkat antarabangsa ini telah berlangsung selama tiga hari, bermula pada 18 hingga 20 April 2017 bertempat di Dewan Sri Samarahan, IPG KTAR.

Bengkel peringkat antarabangsa ini telah disertai oleh 700 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar IPG, guru sekolah menengah dan rendah, guru pemulihan dan guru prasekolah dari seluruh Malaysia. Dua orang pakar teknik *Kamishibai* dari Jepun, iaitu Encik Noma Sigeyuki dan Puan Mihashi Tora telah memberikan input-input tentang teknik ini.



Menerusi bengkel ini, pensyarah dan guru dapat mempelajari dan menghasilkan bahan bantu mengajar yang murah, mudah, praktikal, mesra alam, kreatif dan inovatif bertepatan dengan teknik dan ciri-ciri pembelajaran abad ke-21.

Penilaian

Para peserta telah berjaya menghasilkan bahan bantu mengajar yang berupa sebuah cerita pendek yang lengkap dengan lukisan masing-masing. Para peserta turut mempersembahkan hasil bengkel dengan menggunakan butai yang telah disediakan oleh penganjur. Persembahan para peserta bengkel telah mendapat perhatian kedua-dua penceramah Jepun dan mereka telah memberikan komen yang membina atau positif setelah membuat persembahan, menonton dan menilai persembahan para peserta bengkel. Cadangan penambahbaikan ini dapat meningkatkan lagi kualiti penghasilan bahan dan persembahan *Kamishibai* pada masa depan. Para peserta juga mendapat ilmu tentang *Kamishibai* daripada sumber yang autentik atau sebenar daripada kedua-dua penceramah Jepun itu sendiri. Para pendidik dapat mengaplikasi dan

menyebarkan luas penggunaan dan kepentingan teknik *Kamishibai* dalam dunia pendidikan yang semakin mancabar dewasa ini.

Kesimpulan

Tuntasnya, teknik *Kamishibai* dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas lebih hidup dan bertenaga serta menarik minat penglibatan murid-murid dalam pembelajaran. *Kamishibai* ternyata dapat menjana kreativiti dan inovasi dalam dunia pendidikan jika dilaksanakan secara terancang, sistematik dan pragmatik. Hakikatnya, kita bukan hendak mengagungkan budaya luar, tetapi yang baik elok diambil sebagai pengajaran dan diadaptasi dalam budaya pembelajaran.

Selain memperkenalkan *Kamishibai*, peserta bengkel turut diajar untuk menulis cerita berdasarkan cerita dongeng Malaysia sekali gus menyemai semangat cinta akan khazanah warisan bangsa yang sangat bernilai. Ringkasnya, teknik penceritaan seperti ini boleh diguna pakai untuk mengeratkan hubungan sesama manusia dan meregangkan sedikit keamatan antara kanak-kanak dengan gajet pintar dewasa ini.



Bengkel *Lesson Study* Tingkat Profesionalisme Guru

Oleh : Chuah Kim Hwa
Pensyarah Kanan
Ketua Unit Penataran & Penerbitan,
Jab. PIPK, IPGK BL

Bengkel *Lesson Study* (LS) ini diadakan secara berfasa di bawah Program Transformasi Daerah secara kolaborasi di antara Pejabat Pendidikan Daerah Padawan, Sarawak dan IPGK BL.

Bengkel ini turut menekankan peningkatan profesionalisme guru ke arah mewujudkan serta memantapkan komuniti pembelajaran profesional (PLC) dalam kalangan panitia mata pelajaran berkaitan serta memberi impak kepada pembelajaran murid-murid dalam mata pelajaran berkaitan.


Seramai 24 orang guru sekolah rendah dari 9 buah sekolah rendah terlibat dalam bengkel PLC LS yang membentuk 12 pasukan bagi tiga mata pelajaran iaitu Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.



Using Digital Story to Improve Primary School Pupils' Understanding of Poem

Pembentangan Kertas Kajian Penyelidikan di 15th Asia TEFL dan 64th TEFLIN *International Conference*

Oleh : Pn Yee Bee Choo
Pensyarah Akademik,
Jab Bahasa IPGK Tun Hussein Onn



Digital Story adalah suatu strategi pengajaran dan pembelajaran yang mengkombinasikan narasi cerita dengan kaedah digital yang memasukkan gambar, suara, muzik atau video sehingga menghasilkan filem singkat yang menarik. Kaedah ini telah direka bagi sajak tentang makanan yang berbunyi bila dimakan seperti "apple", "soup", dan "bubblegum" yang bertajuk "Noisy Food". Hasil kajian ke atas murid-murid Tahun 4, di sebuah sekolah di Johor ini telah dibentangkan oleh kumpulan

seramai empat orang pensyarah dari IPG Kampus Tun Hussein Onn di 15th Asia TEFL dan 64th TEFLIN *International Conference* yang diadakan di Hotel Royal Ambarukmo, Yogyakarta, Indonesia pada 13 hingga 15 Julai 2017.

Pembentangan tersebut bertujuan untuk (1) menyebarkan luas penyelidikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris, (2) berbincang dan berkongsi ilmu dalam penyelidikan pendidikan bersama warga penyelidik, dan (3) memberikan

dorongan dan motivasi kepada penyelidik dalam bidang penyelidikan.

Kertas kajian penyelidikan ini juga terpilih untuk diterbitkan dalam *Selected Papers: The 15th Asia TEFL and 64th TEFLIN International Conference* oleh UNY Press, Yogyakarta.

Pembentang-pembentang terdiri daripada;

1. Yee Bee Choo (Ketua Kumpulan)
2. Syamsina Zahurin bte Shamsuddin
3. Norul Rafidah bte Redzuan
4. Kee Li Li



Budaya Teknologi dalam PdPC Abad ke-21 Kerjasama pintar antara Majlis Guru Besar Cawangan Perak dan JTP IPG KI

Oleh
Dr. Suriati Bt. Abdul Aziz
Pensyarah Kanan Akademik

Sempena Karnival Pendidikan 2017 IPG Kampus Ipoh (IPG KI) yang diadakan pada 11 dan 12 April 2017, telah berlangsung satu kolokium kebangsaan yang menghimpunkan seramai 80 orang guru besar di negeri Perak. Para peserta telah didedahkan dengan amalan terbaik pedagogi berasaskan teknologi bagi pengajaran dan pembelajaran abad 21, sejajar dengan tuntutan Gelombang 4 Pembastarian Sekolah yang menggalakkan pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) merentas kurikulum dan pemikiran komputasional melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Collaborative Instructional Design System for 21st. Century Learning (CDIS) adalah satu sistem penyediaan rancangan pengajaran yang telah dibangunkan dan disampaikan oleh mantan Pensyarah Akademik Jusa B IPGK Ipoh iaitu Dr. Hj. Ismail B. Zain

(PMP). Pn. Sofiah Bt. Akmal, dari *Malaysian Digital Economic Corporation* (MDEC) turut hadir untuk memberikan maklumat berkaitan dengan inisiatif pelaksanaan myDigital Maker di sekolah rendah.

Pada sesi terakhir, majlis dialog telah diadakan antara Majlis Guru Besar dengan Institut Aminuddin Baki yang membincangkan 'Isu-isu Pelaksanaan dan Kepimpinan Instruksional Abad Ke-21 Di Sekolah' oleh ahli panel yang terdiri daripada Pn. Hamsiah Bt. Mohd. Dahlan dan En. Mohd. Zaidi B. Basir dan dikendalikan oleh Dr. Yahya B. Osman.

Karnival ini telah dianjurkan oleh Jabatan Teknologi Pendidikan IPGK Ipoh (JTP IPGKI) dengan kerjasama Majlis Guru Besar Cawangan Perak. Majlis Perasmian Pembukaan telah disempurnakan oleh Ketua Jabatan, Tn. Hj. Zain Hazmi B. Zain Baharin manakala ditutup oleh En. Rustam Affandy B. Abdul Aziz, Yang Di Pertua, Majlis Guru Besar Cawangan Perak.



PENSYARAH INOVATIF HARI GURU NEGERI SABAH 2017 KKIKPdP 2017

Oleh : Tan Seok Kiang
Ketua Jabatan PIPK, IPGKent

Tahniah kepada empat orang pensyarah IPG Kampus Kent atas Anugerah Pensyarah Inovatif yang diterima sempena Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Sabah 2017.

Dr. Mohd Sawari Rahim, Dr. Khoo Chwee Hoon, Dr. Chiam Sun May dan En. Benny Kong Tze Loong telah menerima anugerah ketika sambutan yang berlangsung di Dewan Datuk Seri Panglima Hj. Mohd. Dun Banir, Beaufort Sabah pada 23 Mei 2017.

Sementara itu, IPG Kampus Kent berjaya menjalankan kerjasama dengan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (FPUM) dan Persatuan Pendidik Anak-Anak Kreatif

Malaysia dalam penganjuran Kolokium Kebangsaan Inovasi dan Kreativiti Pengajaran dan Pembelajaran (KKIKPdP) 2017.

Program yang berlangsung pada 29-30 Mac 2017 bertemakan "Inovasi Pendidikan Menjangkau Kecemerlangan". Ucapan utama telah disampaikan oleh Prof. Dr. Saedah Siraj (Felo Penyelidik Kanan) dan Dr. Mohd Nazri Abd Rahman (Pensyarah) dari FPUM serta turut disertai oleh pensyarah-pensyarah dari IPG Kampus Zon Sabah, pegawai SISC daerah Tuaran dan guru pelatih



Inovasi Pilihan

Kebolehgunaan *Smart i-THINK* dalam Persekitaran Pembelajaran Maya

Kemahiran berfikir adalah asas bagi mencorakkan pembangunan pendidikan yang kreatif dalam kalangan pelajar. Penerapan kemahiran berfikir membolehkan percambahan pemikiran berlaku dan pelajar boleh membuat sesuatu keputusan dengan lebih rasional, bertimbang rasa dan objektif. Alat kemahiran berfikir diperlukan untuk disepadukan dalam pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar supaya berfikir secara kritis dan boleh menghasilkan idea-idea baharu.

dan juga memberi keseronokan (min = 4.65) kepada pelajar memahami peta pemikiran yang bersesuaian. *Smart i-THINK* ini merupakan satu aplikasi baru sebagai sokongan kepada pelajar dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Smart i-THINK

- merupakan satu perisian pembelajaran yang berkonsepkan peta pemikiran *i-THINK*.
- diaplikasi dalam persekitaran pembelajaran maya (VLE- *Virtual Learning Environment*) secara akses sendiri.

Tujuan *Smart i-THINK*

- i. untuk menguji kefahaman pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran *i-THINK* dalam proses PdP dan
- ii. menguji kebolehgunaan *Smart i-THINK* untuk pembelajaran secara akses sendiri.

Reka bentuk

pembangunan *Smart i-THINK* adalah berasaskan kepada Model ADDIE dan teori-teori pembelajaran seperti teori tingkah laku, teori



Smart i-THINK ini terbahagi kepada tiga modul iaitu

- i. Modul Ruang *i-THINK*,
- ii. Modul Ruang Makmal *i-THINK* dan
- iii. Modul Ruang Aktiviti.

Modul Ruang mengandungi maklumat yang berkaitan 8 jenis peta pemikiran *i-THINK*.

Modul Ruang Makmal mengandungi demonstrasi peta pemikiran *i-THINK* yang bersesuaian dengan soalan kemahiran berfikir yang dikemukakan. Manakala Modul Ruang Aktiviti ialah berkaitan soalan latihan yang dikemukakan sebagai pengukuhan kepada pelajar. Hasil analisis menunjukkan pelajar amat bersetuju bahawa perisian *Smart i-THINK* memudahkan pelajar belajar (min = 4.70)

Oleh

Muhamad Sidek bin Said., PhD,
Ahamad bin Rahim., PhD,
Hazlina bt Awang Lah., PhD,
Hj. Salime bin Abd Rahman

Jabatan Ilmu Pendidikan,
IPG Kampus Sultan Mizan

Sekitar *Retreat* IPGM di Ancasa Residences Port Dickson (21 hingga 23 November 2017)



ISSN 0127-9599



9 770127 959000 >

PENERBIT
IPGM KPM

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-3, BLOK 2250, JALAN USAHAWAN 1, 63000 CYBERJAYA
TELEFON : 603-8312 6666 FAKS : 603-8312 6656